

06 JUN 2001  
PUTRAJAYA-KOMERSIL  
PUTRAJAYA SEDIA JADI PUSAT KOMERSIL

Oleh: Nuryushida Laily Yusof

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Dengan bangunan-bangunan dan rumah kediaman kerajaan siap terbina, Putrajaya kini bersedia untuk menerima pembangunan komersil, kata Datuk Mohd Hashim Hassan, ketua pegawai eksekutif Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Katanya, pusat pentadbiran kerajaan pusat ini akan menawarkan empat kawasan komersil utama, iaitu Daerah Perniagaan Kawasan Barat yang terletak di Presint 1, Daerah Perniagaan Kawasan Barat di Presint 7 dan 8, Daerah Perniagaan Kawasan Selatan di Presint 5, dan Daerah Perniagaan Pusat di Presint 2, 3 dan 4.

Keempat-empat kawasan komersil ini memenuhi tanah seluas 323.7 ekar atau kira-kira 2.9 peratus daripada 4,581 hektar keluasan Putrajaya. Secara kolektif, kawasan-kawasan ini berpotensi menyediakan kawasan lantai kasar seluas 45 juta kaki persegi bagi kegunaan komersil.

Bercakap pada satu majlis taklimat media sebelum lawatan tapak di sini hari ini, Mohd Hashim berkata, kawasan komersil ini akan dilancarkan pada 15 Jun ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penggunaan tanah di keempat-empat kawasan komersil ini telah dibahagikan kepada kedai runcit, pejabat, hotel, kondominium, apartmen, pasar perayaan, taman tema air, institusi dan pusat perubatan, kolej, bazar dan ruang komersil lain.

Harga-harga adalah di antara RM150 dan RM250 sekaki persegi di "kawasan utama", jelas Mohd Hashim.

Pembangunan komersil di setiap kawasan disasarkan kepada segmen pasaran khusus. Contohnya, Daerah Perniagaan Kawasan Utara dan Barat ditujukan kepada pasaran pertengahan, Daerah Perniagaan Kawasan Selatan ditujukan bagi pasaran pertengahan atas manakala Daerah Perniagaan Pusat disasarkan kepada pasaran mewah.

Mohd Hashim berkata, pembangunan kawasan-kawasan komersil ini sedang rancak dilaksanakan dengan tarikh-tarikh dijadualkan siap dari tahun 2003 hingga tahun 2014 atau 2015.

Sebahagian daripada kerja-kerja pembangunan kawasan komersil Putrajaya telahpun bermula, termasuk kerja-kerja di pusat membeli belah di Daerah Perniagaan Kawasan Utara.

Mohd Hashim berkata, Putrajaya Holdings, pemaaju peneraju Putrajaya, akan memulakan satu program pemasaran yang lengkap untuk menimbulkan kesedaran terhadap bandar raya tersebut sebagai "peluang komersil" baru di Malaysia serta kawasan komersil jualan di kalangan bakal-bakal pelabur.

Ditanya sama ada Putrajaya Holdings akan mencari pelabur asing bagi kawasan-kawasan komersil tersebut, khususnya dengan pelonggaran peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), beliau berkata: "Ya, sekarang peraturan FIC dilonggarkan, kita lebih positif."

Setakat ini, beberapa perbincangan telah diadakan dengan dua pelabur asing dari Asia, satu dari Timur Tengah dan dua dari Eropah.

Bagaimanapun, kata Mohd Hashim, peluang juga luas terbuka kepada pelabur-peabur tempatan untuk membeli atau menyewa kawasan-kawasan itu.

"Inilah yang ingin kami capai, kerana kesudahannya nanti, bandar raya ini adalah untuk kita (rakyat Malaysia)," katanya. -- BERNAMA

NLY SHY KY JR